

Headline	Kaji akta banteras pembalakan haram		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	324 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,404
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,211



DR. WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR bersama Rosli Othman (dua dari kanan) melihat pokok Bakau Kurap selepas merasmikan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa di Kemaman, semalam. Turut kelihatan Ahmad Shabery Cheek (kanan). - UTUSAN/FARID JANUDIN

Kaji akta banteras pembalakan haram

KEMAMAN 7 Sept. - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sedang mengkaji untuk menambah baik undang-undang perhutanan sedia ada dalam usaha memastikan aspek penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, inisiatif yang giat dijalankan dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) itu sekali gus dapat mempertahankan khazanah flora dan fauna negara daripada sebarang ancaman termasuk pembalakan haram dan

pembakaran hutan.

"Kita tengah mengkaji undang-undang. Selain untuk memberi lebih penguatkuasaan, apa yang penting ialah setiap penguatkuasa negeri dan jabatan hutan mesti memainkan peranan bersama dengan pihak lain.

"Penjenayah sekarang sudah tidak takut. Pernah berlaku suatu ketika pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) kita ditetak dengan parang semasa menjalankan operasi bersepadu dengan tentera," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan

Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa di Hutan Simpan Kuala Kemaman, Bakau Tinggi di sini hari ini.

Yang hadir sama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizan Ahmad; Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Wan Nawawi Wan Ismail dan Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Tenaga dan Teknologi Hijau negeri, Ir. Rosli Othman.